

OKT 2025 / BIL. 14 / 2025

# EON

*Epitome of Nature*

**MENJULANG INOVASI, MEMPERKASA EKONOMI**



# PENSYARAH SEBAGAI PEMANGKIN INOVASI MAHASISWA

Dr Fitri Nurul'ain Nordin

Jabatan Pengajian Arab, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam

[fitrinurulain@uitm.edu.my](mailto:fitrinurulain@uitm.edu.my)

EDITOR: SARAH SHAZWANI BINTI ZAKARIA


Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital, keupayaan untuk berinovasi bukan lagi sekadar nilai tambah, tetapi satu keperluan mendesak dalam pendidikan tinggi. Institusi pengajian tinggi kini tidak hanya dilihat sebagai pusat penyampaian ilmu, malah berperanan sebagai pemangkin ekosistem inovasi dan keusahawanan. Dalam kerangka ini, peranan pensyarah menjadi semakin kritikal—bukan hanya sebagai penyampai ilmu, tetapi sebagai pemangkin kepada budaya inovasi dalam kalangan mahasiswa.

Inovasi dalam pendidikan tinggi merujuk kepada kebolehan untuk mencipta, menambah baik, atau melaksanakan sesuatu yang baru dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Ia tidak terhad kepada ciptaan berbentuk fizikal semata-mata, tetapi turut merangkumi pendekatan pedagogi, aplikasi digital, dan penyelesaian masalah dalam konteks komuniti atau industri (Mohamed, 2017; OECD, 2015).

Dalam konteks Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 secara jelas menekankan keperluan untuk melahirkan graduan berciri holistik, seimbang dan berdaya saing global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Justeru, inovasi menjadi elemen penting dalam membentuk pelajar yang mampu mencipta nilai dalam bidang masing-masing (Nordin et al., 2018).

## Pensyarah: Pendorong dan Pembimbing Inovasi

Peranan pensyarah tidak lagi bersifat unidimensi. Mereka kini menjadi fasilitator idea, pencetus kreativiti dan pembimbing kepada penghasilan inovasi pelajar. Melalui bimbingan pensyarah, pelajar bukan sahaja didedahkan kepada ilmu teori tetapi digalakkan untuk meneroka penyelesaian praktikal terhadap isu sebenar (Lee & Shamsudin, 2018; Zainuddin et al., 2020).



**Gambar 1:** Pelajar menerangkan produk inovasi yang telah dibangunkan bagi projek tahun akhir pengajian di pameran inovasi (Sumber: Koleksi peribadi penulis)



Pensyarah yang inovatif akan mencipta suasana pembelajaran yang kondusif, mencabar minda dan menyemai rasa ingin tahu (Norazah et al., 2019). Pendekatan seperti project-based learning (PBL), penyelesaian masalah berstruktur, dan integrasi elemen penyelidikan dalam tugas harian membolehkan pelajar menzahirkan daya inovatif mereka (Barrows, 1996; Bell, 2010). Malah, pensyarah juga berperanan mengenal pasti potensi pelajar yang mempunyai bakat kreatif untuk dibimbing ke peringkat lebih tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

## Peluang dan Platform Inovasi

Dalam landskap pendidikan tinggi hari ini, terdapat pelbagai peluang dan platform yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar dan pensyarah untuk menjulang hasil inovasi. Geran penyelidikan dan inovasi seperti Dana Khas Penyelidikan dan Inovasi (DKPI), Dana Public-Private Research Network (PPRN), serta Skim Geran Penyelidikan Pendidikan (SRPP) boleh dimohon untuk membiayai projek pelajar. Selain itu, pertandingan dan pameran inovasi seperti Festival of Ideas, International Invention, Innovation & Design Competition (IID), dan Karnival Penyelidikan dan Inovasi IPT membuka ruang kepada pelajar untuk mempersembahkan hasil inovasi mereka kepada

khalayak lebih luas. Penyertaan dalam program sebegini bukan sahaja meningkatkan keyakinan pelajar, tetapi turut memperkenalkan mereka kepada ekosistem komersialisasi dan jaringan industri.

Pensyarah memainkan peranan penting dalam mengenal pasti peluang-peluang ini dan mendorong pelajar untuk menyertainya. Malah, pensyarah juga bertanggungjawab membimbing dalam penyediaan dokumentasi teknikal, pembentangan, dan pendaftaran harta intelek melalui MyIPO.

## Kisah Inspirasi: Dari Bilik Kuliah ke Pentas Nasional

Sebagai contoh, seorang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Profesional dari Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam dengan bimbingan pensyarahnya telah berjaya membangunkan produk gamifikasi berimpak tinggi iaitu Arabic Syntax Games (ASG) dan produk tersebut telah mendapat pelbagai kejayaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Projek ini pada awalnya merupakan tugas kursus, tetapi melalui bimbingan berterusan dan galakan strategik oleh



**Gambar 2:** Produk hasil projek tahun akhir pelajar dijemput untuk dipamerkan di ruang legar bangunan Kementerian Pengajian Tinggi sempena Festival of Ideas 2023 (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

pensyarah, ia berkembang menjadi produk berpotensi tinggi. Hasilnya, mereka dijemput untuk mempamerkan produk tersebut di ruang legar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sempena Festival of Ideas. Di situ, mereka menerima maklum balas positif daripada wakil industri, pakar akademik dan pengunjung. Malah, mereka juga berjaya merangkul pingat emas dalam beberapa pertandingan inovasi.

Projek ini menjadi contoh bagaimana satu inisiatif kecil dalam bilik kuliah boleh berkembang menjadi pencapaian nasional dengan syarat adanya sokongan, bimbingan, dan keyakinan daripada pensyarah.

## Inovasi dan Pemerkasaan Ekonomi

Lebih penting lagi, inovasi yang dicetuskan oleh pelajar bukan sahaja memberi nilai dalam konteks akademik, malah turut membuka peluang kepada pemerikasaan ekonomi. Dalam era ekonomi gig dan keusahawanan sosial, pelajar yang mempunyai produk inovatif berpotensi menjana pendapatan, menubuhkan syarikat pemula (start-up), atau melaksanakan projek sosial yang memberi manfaat kepada komuniti.

Pensyarah yang peka terhadap potensi ini berperanan penting dalam menghubungkan inovasi dengan peluang ekonomi.

Antaranya termasuk memperkenalkan pelajar kepada inkubator universiti, agensi pembiayaan seperti MTDC, Cradle dan MARA, serta membimbing mereka dalam proses awal penubuhan perniagaan. Inisiatif seperti EduTech, Halalpreneur dan Inovasi Sosial Mahasiswa membuktikan bahawa hasil inovasi pelajar boleh diterjemahkan kepada impak ekonomi yang nyata. Dalam keseluruhan proses ini, pensyarah kekal sebagai tunjang utama dalam membimbing hala tuju pelajar ke arah pencapaian yang lebih bermakna.

## Menjulung Inovasi, Menjana Masa Depan

Sebagai kesimpulan, inovasi pelajar adalah refleksi kepada keberkesanan pendidikan

tinggi kita. Ia bukan hanya bergantung kepada inisiatif pelajar semata-mata, tetapi banyak bergantung kepada budaya dan sokongan yang dibentuk oleh pensyarah.

Dalam menyahut seruan tema “Menjulung Inovasi, Memperkasa Ekonomi”, pensyarah harus tampil sebagai agen perubahan mewujudkan ruang eksperimen, membina keyakinan, dan menghubungkan idea pelajar dengan dunia sebenar. Dengan dorongan yang tepat, pelajar hari ini bukan sahaja mampu mencipta produk inovatif, malah membina masa depan yang lebih mampan untuk diri, masyarakat dan negara.

## Rujukan



**Gambar 3:** Produk pelajar terpilih mewakili delegasi UiTM dan mendapat medal emas (Sumber: Koleksi peribadi penulis)